



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (11 OGOS 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **tiada kes** positif COVID-19 dilaporkan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak kekal sebanyak **681** kes.

#### **A. Kluster COVID-19 yang masih aktif.**

Setakat hari ini, kluster yang masih aktif adalah kekal **sepuluh (10)** kluster melibatkan seramai **70 orang kes** seperti berikut:

- a) Kluster Syarikat Kejuruteraan: kekal lapan (8) kes
- b) Kluster Mambong: kekal tujuh (7) kes
- c) Kluster Pusat Perubatan: kekal tiga (3) kes
- d) Kluster Jupiter: kekal tiga (3) kes
- e) Kluster Pasar Stutong: kekal tujuh (7) kes
- f) Kluster Jeti Kuching: kekal dua (2) kes
- g) Kluster Sentosa: kekal 31 kes
- h) Kluster PUI Melbourne: kekal tiga (3) kes
- i) Kluster Syarikat Pembinaan Kuching: kekal dua (2) kes
- j) Kluster Pasar Satok: kekal empat (4) kes

Dimaklumkan juga **tiga (3)** kes baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari Hospital Umum Sarawak hari ini. Daripada jumlah tersebut, **dua (2)** orang adalah dari Daerah Kuching, **seorang (1)** dari Daerah Samarahan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes postif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah seramai **659** orang atau **96.77%**.

Seramai **tiga (3)** orang masih menerima rawatan dalam wad isolasi hospital, dan jumlah kematian kekal 19 orang atau 2.79%.

Hari ini sebanyak **43 PUI** baru dilaporkan dan **1 kes** yang menunggu ujian makmal.

Pada hari ini, **Daerah Samarahan dan Daerah Lundu** telah bertukar status daripada **status Kuning kepada status Hijau** setelah kedua-dua daerah ini tidak melaporkan kes COVID-19 jangkitan tempatan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Daerah Kuching kekal berstatus Kuning dengan jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas setakat hari ini adalah seramai satu (1) kes. Daerah Serian juga masih kekal berstatus kuning. Setakat hari ini Daerah Serian kekal dengan satu (1) kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

## **2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak hari ini telah bermesyuarat dan memutuskan beberapa perkara berikut:

### **A. Saringan Wajib di Pintu Masuk Utama Sarawak**

Bagi kemasukan semua warganegara Malaysia dari Semenanjung, Sabah dan Labuan yang masuk ke Sarawak, akan menjalani saringan wajib di pintu masuk utama Sarawak dilanjutkan sehingga 31 Ogos 2020.

Bagi Perkhidmatan Penting seperti Penjawat Awam dan juga Sektor Perniagaan, mereka boleh memohon pengecualian kuarantin melalui (**enterSarawak**) sekiranya perjalanan mereka dianggap sebagai perkhidmatan penting (Essential Services) dan urusan rasmi atau membawa surat kebenaran daripada Ketua Jabatan dan Majikan masing-masing.

### **B. Pengurangan Jumlah Penerbangan Ke Sarawak**

Semua jumlah penerbangan ke dalam Sarawak yang telah diumumkan pada 1 Ogos lalu **dikekalkan** sehingga 31 Ogos 2020.

### **C. Tatacara Kuarantin di Sarawak dari Semenanjung, Sabah dan Labuan**

Semua warganegara Malaysia dari Semenanjung, Sabah dan Labuan yang masuk ke Sarawak yang destinasi terakhir mereka di kawasan pedalaman dan jauh dari Klinik Kesihatan yang menyediakan kemudahan untuk mengambil sampel COVID-19, dilanjutkan kuarantin di hotel sehingga 31 Ogos 2020. Mereka akan dibenarkan balik ke rumah masing-masing sekiranya keputusan ujian adalah negatif.

**(Nota : Semua penumpang yang balik dari Kawasan Merah akan dikuarantin di hotel terlebih dahulu sebelum dibenarkan balik ke rumah masing-masing)**

### **3. SEKATAN JALAN RAYA ANTARA ZON (ZON 1 & ZON 2)**

Hari ini sebanyak **1,317** jumlah kenderaan telah melalui sekatan jalan raya antara zon (1&2) yang telah diadakan di dua lokasi iaitu di Daerah Simunjan dan Sri Aman. Daripada jumlah tersebut, **1,316** daripadanya telah mendapat kebenaran dan **1** telah diarah berpatah balik kerana tidak memiliki surat kebenaran.

#### **4. LAPORAN NOTIS KOMPAUN DAN TANGKAPAN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **33 notis** kompaun kerana tidak mematuhi Garis Panduan (SOP). Notis kompaun yang telah dikeluarkan adalah di Kuching (17), Kota Samarahan (9), Padawan (5), Betong (1) dan Sarikei (1) dan.

Manakala terdapat lima (5) tangkapan kerana tidak mematuhi SOP di premis perniagaan. Daripada jumlah tersebut, dua (2) lelaki warganegara Malaysia dari Kuala Lumpur di Lapangan Terbang Miri kerana mengelakkan diri dari dikuarantin. Dua (2) lelaki warganegara Indonesia telah ditangkap di sebuah café di Kuching dan seorang (1) lelaki warganegara Indonesia ditangkap di sebuah café di Kota Samarahan.

#### **5. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (10 JUN HINGGA 31 OGOS 2020)**

PDRM akan terus memperketatkan Garis Panduan (SOP) termasuk pemakaian pelitup topeng muka di tempat awam.

Hari ini sebanyak **1,797 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (181), Restoran (397), Kilang (10), Bank (179), Pejabat Kerajaan (62), Penjaja (39), Pasar Tani/Awam (85), Tempat Ibadah (77), Tempat Riadah (41), Tapak Pembinaan (16) dan lain-lain (710).

Seramai **630 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (299), ATM (49), RELA (131), APM (103), PBT (35), KKM (10) dan KPDNHEP (3)

## **6. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **865** jumlah kenderaan telah diperiksa.

## **7. PENINGKATAN TITIK PANAS YANG BERPOTENSI MENYEBABKAN JEREBU DI SARAWAK**

Negara kini sedang berada dalam fasa Monsun Barat Daya (MBD) yang dijangka akan berlanjutan sehingga September 2020 atau awal Oktober 2020. Cuaca semasa musim ini lazimnya akan lebih kering dengan jumlah hujan adalah sedikit berbanding dengan bulan-bulan yang lain. Keadaan cuaca seperti ini akan meningkatkan bilangan titik panas dan berkemungkinan akan menyebabkan jerebu berlaku.

Berdasarkan maklumat yang di terima dari Asean Specialised Meteorological Centre (ASMC) pada 8 Ogos 2020, terdapat peningkatan bilangan titik panas yang ketara di selatan dan barat Kalimantan. Arah angin yang dijangka dominan dari Barat Daya untuk tempoh beberapa hari akan datang turut mempengaruhi kualiti udara barat Sarawak yang melibatkan bahagian Kuching, Samarahan, Sri Aman dan Betong. Risiko cuaca berjerebu berlaku adalah tinggi akibat jerebu setempat dan rentas sempadan dari Kalimantan. Keadaan dijangka akan bertambah buruk akibat daripada cuaca kering untuk beberapa hari akan datang dan jika tiada tindakan untuk mengawal kebakaran terbuka.

Pada masa yg sama, ASMC juga turut mengesan sebanyak **37 titik panas** di negeri Sarawak pada 8 Ogos 2020. Bilangan titik panas di Sarawak didapati telah menurun kepada satu (1) titik panas masing-masing pada 9 dan 10 Ogos 2020. Keadaan ini telah menyebabkan peningkatan Indeks Pencamaran Udara (API) di beberapa kawasan di Sarawak berkemungkinan disebabkan jerebu rentas sempadan.

Keadaan ini dijangka akan memburukkan lagi keadaan kualiti udara jika pembakaran terbuka tidak dikawal dan bilangan titik panas bertambah. Sehubungan dengan itu, dimohon kepada semua untuk memastikan aktiviti pembakaran terbuka dapat dielakkan dalam tempoh ini.

## **8. NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI**

Orang ramai adalah dinasihatkan agar tidak leka dan terus kekal waspada. Pastikan saranan dan nasihat-nasihat kesihatan diamalkan pada setiap masa. Antara nasihat yang sewajarnya dijadikan satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian dengan mengamalkan **SOP**:

**S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);

**O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;

**P:** Penjarakan fizikal diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**  
**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**  
**11 OGOS 2020**  
**5.00 PETANG**



## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	681	Kes sedang dirawat di hospital	3	0.44%
Kes Baharu	0	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	68,362	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	681	Jumlah kes kematian	19	2.79%
IR per 100,000 penduduk	22.08	Kes telah sembuh dan discaj	659	96.77%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	43	8,460	43	9,142
Menunggu keputusan	0	1		

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	3	0	0	0	0	3
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	3	0	0	0	3
	Kumulatif	567	33	27	31	659
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> )	9	8	2	0	0	19

DAERAH KUNING (2)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	42	5,964	0	423	2	408	0	12	3	5	1
2	Serian	0	302	0	24	0	24	0	0	0	1	1
Jumlah		42	6,266	0	447	2	432	0	12	3	6	2

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (38)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lundu	0	243	0	3	0	3	0	0	0	0	0
2	Samarahan	0	545	0	112	1	108	0	4	0	0	0
3	Bau	0	167	0	6	0	6	0	0	0	0	0
4	Bintulu	0	272	0	27	0	27	0	0	0	0	0
5	Sibu	0	105	0	9	0	9	0	0	0	0	0
6	Simunjan	1	59	0	8	0	8	0	0	0	0	0
7	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
8	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
9	Limbang	0	31	0	9	0	8	0	1	0	0	0
10	Miri	0	822	0	23	0	22	0	1	0	0	0
11	Asajaya	0	41	0	5	0	5	0	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	49	0	3	0	2	0	1	0	0	0
13	Betong	0	187	0	16	0	16	0	0	0	0	0
14	Lawas	0	13	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Mukah	0	43	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Sarikei	0	91	0	6	0	6	0	0	0	0	0
18	Saratok	0	23	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Lubok Antu	0	21	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Kapit	0	30	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>1</b>	<b>2,876</b>	<b>0</b>	<b>234</b>	<b>1</b>	<b>227</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>Jumlah Besar</b>		<b>43</b>	<b>9,142</b>	<b>0</b>	<b>681</b>	<b>3</b>	<b>659</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>3</b>	<b>6</b>	<b>2</b>

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

Bil.	Kluster	Kes Baru	Kumulatif Kes	Tarikh Tamat	
1	<b>Kluster Kuching Conference</b>	0	191	22 June, 2020	
2	<b>Kluster Seri Petaling</b>	0	115	10 June, 2020	
2a	Sub-Kluster Kuching dan Samarahan (BDC dan Desa Ilmu)	41	<b>Sub-kluster dan kes kes sporadik dari Kluster Besar Seri Petaling</b>	3 June, 2020	
2b	Sub-Kluster Debak, Betong	10		15 May, 2020	
2c	Sub-Kluster Sibul	4		10 June, 2020	
2d	Sub-Kluster Bintulu	2		12 May, 2020	
2e	Sub-Kluster Limbang	7		26 May, 2020	
2f	Sub-Kluster Kecil Kuching	7		12 May, 2020	
2g	Sub-Kluster Kecil Samarahan	10		3 June, 2020	
2h	Sub-Kluster Kecil Serian	3		3 June, 2020	
2i	<b>Sporadik</b>				
	i) Betong	6		15 May, 2020	
	ii) Samarahan	1		2 May, 2020	
	iii) Serian	1		6 June, 2020	
	iv) Kuching	9		12 May, 2020	
	v) Bintulu	2		18 April, 2020	
	vi) Miri	8	24 May, 2020		
	vii) Mukah	2	13 April, 2020		
	viii) Limbang	2	26 May, 2020		
3	<b>Kluster PUI Itali</b>	0	65	30 May, 2020	
4	<b>Kluster Petugas Kesihatan Kuching</b>	0	68	6 June, 2020	
5	<b>Kluster Kidurong</b>	0	8	19 July, 2020	
6	<b>Kluster Tapak Pembinaan Kuching</b>	0	3	22 July, 2020	
7	<b>Kluster Syarikat Kejuruteraan Kuching</b>	0	8	Active	
8	<b>Kluster Mambong</b>	0	7	Active	
9	<b>Kluster Jupiter</b>	0	3	Active	
10	<b>Kluster Pusat Perubatan Kuching</b>	0	3	Active	
11	<b>Kluster Pasar Stutong</b>	0	7	Active	
12	<b>Kluster Jeti</b>	0	2	Active	
13	<b>Kluster Sentosa</b>	0	31	Active	
14	<b>Kluster PUI Melbourne</b>	0	3	Active	
15	<b>Kluster Syarikat Pembinaan Kuching</b>	0	2	Active	
16	<b>Kluster Pasar Satok</b>	0	4	Active	
17	<b>Kluster-kluster kecil</b>	0	63	-	
18	<b>Sporadik kes</b>	0	57	-	
19	<b>Kes import dari luar negara</b>	0	41	-	
20	<b>Masih dalam siasatan dan kes baru</b>	0	0	-	
<b>Jumlah</b>		<b>0</b>	<b>681</b>		

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **122** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **16 buah hotel** adalah seramai **886 orang**. Manakala seramai **20,744 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 11.08.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>HOTEL</b>	<b>BILANGAN PUS</b>
1	Kuching (474)	Hock Lee	6
2		Kuching Park	0
3		Hilton	56
4		Harbour View	170
5		Riverside (Astana Wing)	210
6		Riverside (Puteri Wing)	32
7	Miri (261)	Mega	60
8		Eastwood Valley	64
9		Meritz	73
10		Dynasty	64
11	Bintulu (58)	Wasan Inn	29
12		Motel Kapok	12
13		Faber Inn	17
14	Limbang (43)	Purnama	33
15		Mandarin (Lawas)	10
16	Sibu (50)	Premier	50
<b>Jumlah PUS</b>			<b>886</b>

### 3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Pada hari ini, sebanyak **4 lokasi di Miri (2), Kuching (1) dan Sibu (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,469 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 11.08.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	Kuching	467
2	Miri	259
3	Sibu	121
4	Bintulu	110
5	Samarahan	108
6	Sarikei	99
7	Limbang	77
8	Serian	50
9	Betong	48
10	Mukah	45
11	Sri Aman	44
12	Kapit	41
<b>Jumlah</b>		<b>1,465</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Pada hari ini, sebanyak **41 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 11.08.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	DBKU	10
2	MP Padawan	4
3	MD Serian	3
4	MD Sri Aman	3
5	MP Sibul	10
6	MCC	4
7	MD Marudi	5
8	MD Lawas	2
<b>Jumlah</b>		<b>41</b>